

**PAS Ucap Takziah Kepada Keluarga Azizan
Bernama
26 Sept, 2013**

ALOR STAR, 26 Sept (Bernama) -- Setiausaha Agung PAS Datuk Mustafa Ali mewakili parti itu mengucapkan takziah kepada keluarga bekas Menteri Besar Kedah Tan Sri Azizan Abdul Razak yang meninggal dunia pagi ini.

Mustafa berkata pemergian Azizan merupakan satu kehilangan kepada PAS dan beliau sendiri kehilangan seorang rakan yang akrab.

Beliau berharap keluarga Azizan bersabar dengan ketentuan Ilahi itu.

"Saya dah berada di Alor Setar sejak semalam. Malam tadi saya dimaklumkan doktor keadaan beliau tenat.

"Pagi tadi saya dah di airport (lapangan terbang) apabila dapat berita ini, saya berpatah balik. Ini satu kehilangan kepada PAS dan saya kehilangan kawan yang akrab," katanya dengan nada sebak.

Di KUALA LUMPUR, Naib Presiden PAS Datuk Mahfuz Omar turut mengucapkan takziah kepada keluarga bekas menteri besar Kedah itu.

Beliau menyifatkan pemergian Azizan sebagai satu kehilangan kepada parti memandangkan Allahyarham telah menerajui kerajaan Pakatan Rakyat (PR) selama lima tahun bermula 2008 di Kedah.

"Jasa beliau memimpin kerajaan PR begitu besar dan telah melakarkan lanskap baharu politik di Kedah dan saya kira jasa ini sangat berharga," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini, hari ini.

Azizan, 69, menghembus nafas terakhir di sisi keluarga di wad Unit Rawatan Rapi Hospital Sultanah Bahiyah (HSB).

Jenazah beliau dijangka dikebumikan di Muassasah Darul Ulum, Alor Setar pukul 5.30 petang.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=980842>